

Pelajar UPM kurang sihat boleh tangguh pendaftaran

KUALA LUMPUR 31 Julai – Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengalami simptom jangkitan influenza A (H1N1) seperti selesema, batuk dan demam berlarutan boleh menangguhkan pendaftaran masuk yang dijadualkan pada Selasa depan.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah mahu mereka yang kurang sihat itu terus tinggal di rumah masing-masing sehingga pulih dan mendapatkan rawatan di hospital dan klinik berdekatan.

Beliau turut mengingatkan ibu bapa, penjaga dan keluarga graduan UPM yang kurang sihat agar tidak menghadiri menghadiri majlis konvokesyen yang akan berlangsung dari 8 hingga 11 Ogos ini.

“Konvokesyen UPM kali ke-33 akan berlangsung seperti dijadualkan sebagaimana tertera dalam kad jemputan dan pengumuman yang dibuat sebelum ini.

“Bagaimanapun, mereka yang kurang sihat dinasihatkan supaya tidak hadir ke majlis tersebut dan sekiranya tidak dapat dielakkan, mereka perlu memakai penutup hidung dan mulut sepanjang berada di UPM,” kata beliau dalam kenyataannya di sini hari ini.

Menurutnya, penuntut universiti itu juga akan diberi penutup hidung dan mulut serta risalah tentang cara mengawal penularan selesema babi di kolej penginapan masing-masing.

Mereka yang tinggal di luar kampus pula, katanya, boleh mendapatkan penutup hidung dan mulut di pejabat am fakulti masing-masing.

“Langkah-langkah tersebut diambil bagi membendung wabak H1N1 di kampus Serdang termasuk melaksanakan cuti pertengahan semester dua minggu lebih awal seperti yang diumumkan pada 28 Julai lalu,” katanya.

DAPAT

Tampilah padi di semilir angin
bukan beras tetapi hampas
yang padat.

Sesekali menjerat
tak semua dapat.

LUDINATA MISNUN

UPM Serdang